

## GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA SECARA FIZIKAL KE UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### 1. TUJUAN

Dokumen ini menjelaskan garis panduan kemasukan pelajar antarabangsa yang berada di luar Malaysia dan ingin kembali ke UKM; selaras dengan kenyataan media Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 31 Disember 2020, kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 31 Januari 2021 dan pekeliling daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 9 Februari 2021.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Selaras dengan kenyataan media Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 31 Disember 2020, kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 31 Januari 2021 dan pekeliling daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 9 Februari 2021, pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu dari semua negara kecuali United Kingdom adalah dibenarkan memasuki Malaysia dan kembali ke kampus secara fizikal bermula 1 Januari 2021.
- 2.2. Selaras dengan Kenyataan KPT berhubung dengan kebenaran pelajar antarabangsa memasuki negara ini, *Education Malaysia Global Services (EMGS)* pada 15 Januari 2021 telah menggariskan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kemasukan Pelajar Antarabangsa semasa dan Pasca COVID-19.

### 3. KEBENARAN MEMASUKI MALAYSIA SECARA FIZIKAL

- 3.1. Kebenaran ini terpakai untuk pelajar antarabangsa baharu dan sedia ada dari semua negara kecuali United Kingdom seperti berikut :

Bil.	Kategori Pelajar	Status Pelajar	Tindakan
1.	Pelajar Baharu	Pelajar yang telah memperoleh eVAL tetapi telah tamat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	<b>Rujuk Lampiran 1</b>
		Pelajar yang telah mengemukakan	

		permohonan eVAL tetapi masih belum diluluskan.	
2.	Pelajar Sedia Ada	Pelajar yang mempunyai pas pelajar yang sah tetapi masih berada di negara asal kerana tidak dapat memasuki Malaysia untuk melanjutkan pengajian akibat penutupan sempadan.	
		Pelajar yang tidak mempunyai pas pelajar yang sah kerana telah tamat dan ingin memperbaharui pas pelajar tetapi tidak dapat memasuki Malaysia kerana penutupan sempadan.	

3.2. Kebenaran ini hanya untuk pemegang pas pelajar sahaja. Pemegang pas tanggungan masih tidak dibenarkan memasuki Malaysia.

#### 4. PROSEDUR KEMASUKAN

Prosedur kemasukan pelajar antarabangsa yang telah mendapat kebenaran memasuki Malaysia adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### 5. IMPLIKASI KEWANGAN

3.1 Semua implikasi kewangan sepanjang urusan kemasukan ke Malaysia adalah di bawah tanggungjawab pelajar sepenuhnya. Hal ini merangkumi kos saringan Ujian Pengesanan COVID-19, kos kuarantin diri (termasuk makan dan minum), kos pengangkutan dan lain-lain kos yang terlibat.

3.2 Perincian kos adalah seperti berikut:

**a) Caj Ujian Pengesanan COVID-19**

<b>Jenis Ujian</b>	<b>Fi (warga asing)</b>
RT-PCR	RM 250.00
RTK Antigen	RM 120.00

**b) Lain-lain berkaitan**

<b>Kos</b>	<b>Kadar maksimum</b>
Kos uarantin di Stesen Kuarantin selama 10 hari	RM 150.00 / hari (Jumlah : RM 1,500.00)
Kos kuarantin di Stesen Kuarantin selama 7 hari	RM 150.00 / hari (Jumlah : RM 1,050.00)
Kos operasi Stesen Kuarantin	RM 2,600.00
Kos pengangkutan dari Stesen Kuarantin ke UKM	RM100 / pelajar

**6. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2021 dan pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan UKM dari semasa ke semasa. Garis panduan ini akan tidak terpakai/terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan arahan daripada Kerajaan Malaysia dan Universiti.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
18 Februari 2021

**PROSEDUR KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA  
KE UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**SEBELUM KETIBAAN**

**Pelajar Antarabangsa Baharu**

- a) Bagi pelajar antarabangsa baharu yang tiada eVAL, permohonan eVAL hendaklah dikemukakan kepada Universiti melalui e-mel [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my).

**Atau**

Bagi pelajar antarabangsa baharu yang telah tamat tempoh eVAL, permohonan lanjutan hendaklah dikemukakan kepada Universiti melalui e-mel [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my) dengan memastikan tempoh sah laku pasport tidak kurang daripada 18 bulan.

- b) Selari dengan arahan dan keperluan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), pelajar juga dikehendaki untuk mengemukakan alamat tempat tinggal di Malaysia kepada pihak Universiti melalui e-mel kepada [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my) bagi tujuan penyediaan 'Declaration of Accommodation' dan 'Declaration for Commencement of Online Classes'.
- c) Setelah mendapat kelulusan JIM, pelajar boleh memuat turun eVAL dan Surat Kelulusan Kemasukan Pelajar (Pengesahan Perjalanan) di pautan <https://visa.educationmalaysia.gov.my/emgs/application/searchForm/>.
- d) Pelajar perlu memuat turun, melengkapkan dan menandatangani *Letter of Undertaking and Indemnity* (LoU) serta mendapatkan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan melalui pautan <https://visa.educationmalaysia.gov.my/guidelines/travel-authorisation-form-base.html>
- e) Pelajar perlu menghantar permohonan *Single-Entry Visa* (SEV) ke pejabat Perwakilan Malaysia terdekat untuk memasuki Malaysia dan perkara ini tertakluk kepada keperluan negara masing-masing.
- f) Pelajar perlu menjalani Ujian Pengesanan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas ke Malaysia dan keputusan ujian hendaklah dalam Bahasa Inggeris.

- g) Pelajar perlu membuat bayaran caj penuh kuarantin dan Ujian Pengesanan COVID-19 secara dalam talian melalui *MySafeTravel* ([www.safetravel.myeg.com.my](http://www.safetravel.myeg.com.my)) / aplikasi MyQr oleh MyEG ([www.myeg.gov.my](http://www.myeg.gov.my)) dan mengemukakan slip bayaran di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).
- h) Pelajar perlu memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan dalam masa tiga (3) hari sebelum tarikh ketibaan.
- i) Pelajar perlu mengesahkan jadual penerbangan, Stesen Kuarantin dan tarikh kemasukan ke Malaysia dengan pihak UKM melalui [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my).

### **Pelajar Antarabangsa Sedia Ada**

- a) Pelajar perlu memohon Surat Kelulusan Kemasukan Pelajar (Pengesahan Perjalanan) melalui sistem EMGS di pautan <https://visa.educationmalaysia.gov.my/emgs/application/searchForm/>.
 

*\* Pelajar yang telah tamat tempoh pas pelajar perlu menghantar permohonan pas lawatan sosial ke pejabat Perwakilan Malaysia terdekat untuk memasuki Malaysia tertakluk kepada keperluan negara masing-masing.*
- b) Pelajar perlu memuat turun, melengkapkan dan menandatangani *Letter of Undertaking and Indemnity* (LoU) serta mendapatkan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan melalui pautan <https://visa.educationmalaysia.gov.my/guidelines/travel-authorisation-form-base.html>
- c) Pelajar perlu menjalani Ujian Pengesanan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas ke Malaysia dan keputusan ujian hendaklah dalam Bahasa Inggeris.
- d) Pelajar perlu membuat bayaran caj penuh kuarantin dan Ujian Pengesanan COVID-19 secara dalam talian melalui *MySafeTravel* ([www.safetravel.myeg.com.my](http://www.safetravel.myeg.com.my)) / aplikasi MyQr oleh MyEG ([www.myeg.gov.my](http://www.myeg.gov.my)) dan mengemukakan slip bayaran di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).
- e) Pelajar perlu memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan dalam masa tiga (3) hari sebelum tarikh ketibaan.
- f) Pelajar perlu mengesahkan jadual penerbangan, Stesen Kuarantin dan tarikh kemasukan ke Malaysia dengan pihak UKM melalui [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my).

## **SEMASA KETIBAAN**

### **Pelajar Antarabangsa Baharu dan Sedia Ada**

- a) Pelajar antarabangsa hanya dibenarkan memasuki Malaysia melalui pintu masuk **KLIA dan KLIA 2**.
- b) Pelajar dikehendaki memenuhi syarat kuarantin wajib selama tujuh (7) hari atau sepuluh (10) hari semasa tiba di Malaysia tertakluk kepada keputusan Ujian Pengesanan RT-PCR COVID-19 semasa di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).
- c) Pelajar yang gagal mengemukakan keputusan Ujian Pengesanan RT-PCR COVID-19 atau keputusan ujian yang dikemukakan adalah tidak sah atau tidak boleh diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan dikenakan tempoh kuarantin selama sepuluh (10) hari.
- d) Sepanjang tempoh kuarantin, pelajar perlu menjalani :
  - Ujian Pengesanan COVID-19 pada hari ke-5 kuarantin (bagi pelajar yang menjalani tempoh kuarantin selama tujuh (7) hari).
  - Ujian Pengesanan COVID-19 pada hari ke-8 kuarantin (bagi pelajar yang menjalani tempoh kuarantin selama 10 hari).
- e) Selepas tempoh kuarantin berakhir, pelajar akan diberikan surat pelepasan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).
- f) Sebarang pertanyaan lanjut, pelajar boleh menghubungi pihak Universiti melalui [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my).